

# 2,756,810 remaja lengkap divaksin

Harian metro (4/1/2022) Page 10

**Kuala Lumpur:** Seramai 2,756,810 individu atau 87.6 peratus daripada populasi remaja berusia antara 12 hingga 17 di negara ini lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 setakat jam 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) melalui laman Covidnow, 2,848,312 individu atau 90.5 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa pula, 22,860,910 atau 97.7 peratus melengkapkan dos vaksin manakala 23,152,917 individu atau 98.9 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, statistik harian menunjukkan seju-

mlah 94,040 dos vaksin diberi kelmarin melibatkan 1,264 dos pertama, 1,340 dos lengkap dan 91,436 dos penggalak.

Perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) meningkat kepada 57,841,435 dos dengan 6,422,084 daripadanya adalah dos penggalak.

Sementara itu, menurut portal GitHub KKM, 19 kes kematian direkod kelmarin.

Selangor mencatat angka kematian tertinggi lima kes, diikuti Terengganu (empat), Johor (tiga), Sabah (dua) dan masing-masing satu kes di Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan, Melaka dan Negeri Sembilan.